

MEMO PENDAFTAR BIL.03/2019

**KEPADA : SEMUA STAF/PELAJAR
UNIVERSITI SELANGOR**

**DARIPADA : HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT
PENGARAH TAU/MENJALANKAN TUGAS PENDAFTAR**

TARIKH : 25 MAC 2019

NO.RUJUKAN : (16) dlm.UNISEL/PP/01.10_ Jld.I

PERKARA : PENGUATKUASAAN PELEKAT KENDERAAN BAGI TAHUN 2019/2020

Assalamua'laikum Wrt. Wbt & Salam Sejahtera

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Pengurusan Universiti telah bersetuju pelekat kenderaan dikuatkuasakan penggunaannya kepada semua kenderaan staf, pelajar dan kontraktor yang memasuki dalam kawasan universiti. Penggunaan pelekat kenderaan bertujuan bagi memudahkan pengenalan dan kawalan kenderaan keluar masuk dalam kawasan kampus oleh Pengawal Keselamatan yang bertugas.

3. Pelekat kenderaan boleh dibeli mulai **26 Mac 2019** di Unit Keselamatan dengan mengisi Borang Permohonan Pelekat Kenderaan (UNISEL-PT10-SO-PK01-B001) selepas membuat pembayaran pelekat kenderaan di kaunter Kewangan UNISEL.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif kali ke-170 (Bil.07/2019) bertarikh 25 Februari 2019 bersetuju harga bagi pelekat kenderaan adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PELEKAT	HARGA SEKEPING (RM)			CATATAN
		Motosikal	Kereta (pelekat pertama)	Kereta (pelekat kedua)	
1.	KENDERAAN UNIVERSITI	PERCUMA	PERCUMA	PERCUMA	Semua kenderaan universiti akan diberi pelekat secara percuma. (warna merah bagi kereta/bas/lori dan warna hijau bagi motosikal)
2.	STAF	3.00	5.00	10.00	Staf dibenarkan membeli dua (2) pelekat kereta dan satu (1) pelekat motosikal sahaja.
3.	PELAJAR	3.00	5.00	-	Pelajar dibenarkan membeli satu (1) pelekat (kereta atau motosikal) sahaja dan didaftarkan atas nama sendiri/ibu/ bapa

4.	KONTRAKTOR	5.00	10.00	-	Merujuk kepada kenderaan yang didaftarkan atas nama syarikat / pekerja syarikat yang beroperasi di dalam kampus UNISEL sahaja.
----	------------	------	-------	---	--

5. Pelawat atau kenderaan yang tidak mempunyai pelekat kenderaan hendaklah mendaftar di pos pengawal sebelum dibenarkan memasuki kawasan kampus. Manakala kenderaan staf atau pelajar yang tidak mempunyai pelekat kenderaan, hendaklah meletak kenderaan di luar kawasan kampus.

6. Semua kenderaan yang memasuki kawasan universiti hendaklah sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas dan peraturan sistem parkir mengikut zon yang telah dikuatkuasakan dalam semua kawasan universiti.

Penguatkuasaan pelekat kenderaan bagi tahun 2019/2020 akan dilaksanakan mulai 1 Mei 2019.

Sekian, harap maklum. Wassalam.

Yang benar


HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT
 Pengarah Tabung Amanah Pendidikan UNISEL/
 Menjalankan Tugas Pendaftar

D:Memo2019/rk

PELEKAT KENDERAAN BAGI TAHUN 2019/2020

			
STAF (MERAH)	STAF (HIJAU)	PELAJAR (KUNING)	KONTRAKTOR (BIRU)